

PROGRAM-PROGRAM JABATAN LANDSKAP NEGARA YANG TERLIBAT DENGAN SME

1) Piawaian Bahan Tanaman

1.1 Pengenalan

Piawaian bahan tanaman landskap sebagai alat untuk menyelaraskan harga dan spesifikasi bahan tersebut bagi dijadikan panduan kepada pengusaha, pengguna dan agensi kerajaan

1.2 Komponen

Penyediaan piawaian bahan tanaman landskap iaitu pokok utama, pokok renek, pokok palma, pokok buluh & tanaman penutup bumi. Ini bertujuan untuk menggalakan penggunaan piawaian secara sukarela dan mempromosikan faedahnya kepada pengguna dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri landskap.

1.3 Pencapaian Tahun 2006

Siap 20% untuk harga bahan tanaman keseluruhan.

1.4 Sasaran Tahun 2007

Menyediakan satu piawaian bahan tanaman bagi pokok teduhan

2) Pembangunan Pusat Sumber Industri Landskap di Jabatan Landskap Negara

2.1 Pengenalan

Pusat Sumber Industri Landskap adalah satu pusat rujukan dan pusat hentian setempat bagi maklumat tentang teknologi dan kepakaran industri landskap.

2.2 Komponen

Mewujudkan pusat pembangunan sumber industri landskap bagi menyediakan sistem pengumpulan, penyimpanan dan pengedaran jenis-jenis produk dan bahan yang digunakan dalam industri landskap.

2.3 Pencapaian Tahun 2006

Siap 80% data dan maklumat mengenai industri landskap telah dikumpul.

2.4 Sasaran Tahun 2007

Satu direktori industri landskap yang mengandungi maklumat mengenai penggiat-penggiat landskap.

3) Akreditasi Nurseri dan *Garden Centre*

3.1 Pengenalan

Satu pengiktirafan bagi nurseri landskap yang menjalankan *Good managemet Practise* (GMP) mengikut standard yang ditetapkan oleh Jabatan Landskap Negara.

3.2 Pencapaian Tahun 2006

Peringkat Awal

3.3 Program Tahun 2007

Satu garis panduan akan dikeluarkan dan penilaian akan dijalankan ke atas beberapa nurseri di bawah projek pemantauan Jabatan Landskap Negara (JLN) di negeri Johor mengikut standard yang akan ditetapkan oleh JLN.

3.4 Sasaran Tahun 2007

Satu nurseri akan diakreditasi oleh Jabatan landskap Negara.

4) Pusat LIVE (*Landscape Industrial Village and Exposition*)

4.1 Pengenalan

LIVE merupakan satu pusat atau perkampungan yang membangunkan industri landskap secara berkelompok di satu kawasan yang khusus di mana teknologi, rekabentuk dan bahan-bahan landskap dapat ditonjolkan. Dengan adanya elemen-elemen landskap ini, aktiviti rekreasi dan interaksi dalam sesebuah komuniti dapat diwujudkan. Selain itu, pusat ini akan menjadi pusat aktiviti landskap, pengumpulan dan jual beli bahan-bahan industri landskap atau One Stop Centre yang merangkumi bahan-bahan tanaman, elemen landskap kejur, khidmat nasihat pakar landskap dan lain-lain yang berkaitan.

4.2 Objektif

- 4.2.1 Untuk memberi pasaran yang lebih luas kepada pengusaha-pengusaha landskap dalam mempromosikan teknologi, tanaman, barangan atau perkhidmatan di dalam bidang landskap,
- 4.2.2 Untuk memberi peluang kepada usahawan muda untuk menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang industri landskap sama ada dari bidang perkhidmatan, pembekalan mahupun pembuatan,
- 4.2.3 Untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan masyarakat melalui kemudahan rekreasi yang disediakan bagi semua peringkat umur, dan
- 4.2.4 Menjadi salah satu pusat tarikan pelancongan.

4.3 Komponen

Konsep pembangunan LIVE adalah perkampungan penggiat industri landskap secara berkelompok dalam suasana taman atau 'garden setting'. Ini bermakna setiap gerai atau lot jualan mestilah disusunatur mengikut konsep gerai dalam taman.

Antara aktiviti landskap yang akan dijalankan adalah seperti

- 4.3.1 Jualan bahan-bahan landskap yang terdiri daripada bahan-bahan tanaman, bahan-bahan landskap kejur seperti water fountain, batu-batuan, pasu, perabut taman, bahan kraftangan dan sebagainya.
- 4.3.2 Para peserta juga boleh menjual bahan-bahan pelengkap kepada elemen landskap seperti haiwan peliharaan seperti ikan, arnab, burung dan sebagainya.

- 4.3.3 Bagi menarik minat pelancong luar negara, barangan kraftangan dan antik juga digalakkan untuk dijadikan barangan jualan di perkampungan ini. Keadaan ini amat bersesuaian dengan pembangunan sikap dan pemikiran masyarakat kini dalam menjadikan barangan kraftangan sebagai sebahagian daripada hiasan landskap. Contohnya bubu, serkap ayam dan pelita minyak tanah dan lain-lain.
- 4.3.4 Para peserta juga digalakkan menjual barangan buangan yang diubahsuai untuk kegunaan landskap seperti bahan-bahan plastik, tin dan sebagainya.
- 4.3.5 Juga digalakkan menjual bahan-bahan seperti daun/buah/ranting kering atau bahan-bahan daripada sumber semulajadi yang boleh dijadikan bahan hiasan landskap.
- 4.3.6 Selain itu, aktiviti lain di Pusat LIVE ini adalah seperti demonstrasi penyediaan elemen landskap, sesi ceramah, bengkel, kursus dan lain-lain yang akan dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.
- 4.3.7 Pusat LIVE juga akan dijadikan sebagai pusat penerangan atau pusat untuk mendapatkan khidmat nasihat yang berkaitan dengan landskap. Aktiviti yang disediakan ini berhasrat untuk memudahkan orang ramai bagi mendapatkan informasi tentang landskap dan seterusnya menarik minat mereka terhadap landskap.

4.4 Pencapaian Tahun 2006

Peringkat pembangunan konsep.

4.5 Program Tahun 2007

Terdapat 2 tempat di dalam pembangunan konsep LIVE iaitu Bangi dan Sungai Buloh.

4.6 Sasaran Tahun 2007

Satu Pusat LIVE yang diwujudkan dengan penyertaan usahawan landskap.

5) Program Latihan Landskap

5.1 Pengenalan

Program latihan landskap dianjurkan dalam usaha untuk memberi perspektif menyeluruh kepada peserta tentang kepentingan landskap dalam persekitaran kehidupan. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta tentang aspek-aspek yang penting dalam bidang landskap yang meliputi semua peringkat iaitu merancang, merekabentuk, penyediaan pelan, anggaran kos, pelaksanaan dan pengurusan.

5.2 Komponen

Mengadakan aktiviti seperti kursus, motivasi, seminar, forum dan bengkel bagi meningkatkan kemahiran pengusaha landskap dan orang awam. Antara program kursus yang telah dirancang untuk RMK-9 adalah seperti berikut:

- 5.2.1 Kursus Asas Landskap untuk PBT
- 5.2.2 Kursus Lanjutan Landskap untuk PBT
- 5.2.3 Kursus Asas Landskap untuk Awam
- 5.2.4 Kursus Video untuk Dokumentari Landskap
- 5.2.5 Kursus Inkubator Landskap

5.3 Pencapaian Tahun 2006

Kursus Asas Landskap untuk PBT - 180 peserta terlibat dengan kursus yang dijalankan.

5.4 Program Tahun 2007

Program yang akan dijalankan pada tahun 2007 ialah:-

- Kursus Asas Landskap untuk PBT
- Kursus Lanjutan Landskap untuk PBT
- Kursus Asas Landskap untuk Awam
- Kursus Video untuk Dokumentari Landskap